

23 Ketua Kampung Labuan ke Ho Chi Minh

LABUAN: Seramai 23 orang Ketua Kampung dari Wilayah Persekutuan Labuan menyertai Lawatan Kerja ke Bandaraya Ho Chi Minh, Vietnam selama empat hari bermula pada Isnin.

Rombongan tersebut diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Hajjah Nor Aini Abd.Wahab.

Turut sama dalam rombongan tersebut ialah beberapa pegawai Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan.

Menurut satu kenyataan media dari Jabatan Hal Ehwal Korporat, Bahagian Perhubungan Awam Perbadanan Labuan, lawatan tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Ketua-Ketua Kampung melihat keadaan sosial rakyat Vietnam serta kemajuan pembangunan ekonomi di negara tersebut terutamanya dalam industri pembuatan dan perkhidmatan.

“ Dengan lawatan itu juga diharapkan para peserta dapat mengenal pasti peluang-peluang perniagaan yang boleh dijadikan contoh untuk diusahakan oleh penduduk-penduduk kampung di Labuan,” kata kenyataan itu lagi. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN**
(jainuddin@newsabahtimes.com.my)